

AKEF Satu Dorongan dan Inspirasi kepada Pelajar FSSK

Tanjong Malim, 7 Jun - Sebagai pengiktirafan dan inspirasi kepada pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik dan sukan, Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan (FSSK) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan kerjasama Persatuan Sains Sukan dan Kejurulatihan (PSSK) telah menganjurkan Anugerah Kecemerlangan Fakulti (AKEF) 2024. Majlis AKEF pada kali ini telah berlangsung di Dewan Kolej Za'ba, UPSI dan dirasmikan oleh Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff.

Beberapa kategori anugerah telah diadakan seperti Anugerah Ketua Kumpulan, Anugerah PNGS, Anugerah PNGK Terbaik, Anugerah Jabatan, Anugerah Sukan dan Anugerah Pingat Emas. Seramai 115 orang penerima telah menerima anugerah mengikut kategori anugerah yang dipertandingkan.

Menurut Pengarah Program, Lisa May Ling Anak Ali "pelaksanaan AKEF ini telah menguatkan semangat pelajar untuk lebih cemerlang pada masa hadapan demi menjulang fakulti ke martabat yang lebih tinggi."

Dekan FSSK, Dr. Jaffry Zakaria mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima anugerah dan majlis AKEF ini adalah satu majlis saban tahun diadakan bagi mengiktiraf pelajar yang cemerlang. Menurut beliau "majlis AKEF

ini, adalah dorongan kepada pelajar untuk lebih maju lagi dalam bidang akademik dan juga sukan demi fakulti dan UPSI khususnya. Bagi memenuhi hasrat Dato Naib Canselor UPSI, majlis AKEF yang akan datang perlu menjemput semua pelajar fakulti untuk turut hadir bersama."

Melalui ucapan perasmianya, Prof. Dato' Dr. Md Amin Md Taff menyatakan bahawa turut berbangga dengan pelaksanaan majlis AKEF pada kali ini. Menurut beliau, "setiap pelajar perlu diterapkan nilai kasih sayang dan bangga sebagai Anak Kandung Suluh Budiman UPSI dan kecemerlangan setiap insan harus diterapkan dengan nilai jati diri yang utuh."

Pada majlis ini, Naib Canselor UPSI telah bersetuju menyalurkan peruntukan sebanyak RM30,000 kepada FSSK untuk menganjurkan sukan antarabangsa dengan penyertaan dari kalangan pelajar antarabangsa di UPSI dan sekitar Tanjong Malim.

Majlis turut dihadiri pihak Pengurusan fakulti dan kakitangan FSSK untuk memberi semangat dan dorongan kepada semua penerima AKEF.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Kunjungan Hormat Pengurusan UPSI Bersama YAB, Menteri Besar Perak

Ipoh, 5 Jun -Kunjungan hormat pengurusan universiti bersama YAB Dato Seri Menteri Besar Perak, YB Dato' SUK Perak dan YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri.

Sesi temu mesra bagi menyampaikan perancangan

pembangunan Smart Campus@ Meru, perancangan inisiatif Galeri Muzik Diraja dan makluman perkembangan serta pencapaian semasa UPSI. Kerjasama erat UPSI bersama Kerajaan Negeri Perak bakal merencanakan agenda kebitaraan pendidikan

UPSI.

Terima kasih YAB Dato' Seri Saarani Mohamad atas santun mesra, keprihatinan terhadap pembangunan pendidikan, dan segala panduan bagi memartabatkan pendidikan watan.



Majlis Perasmian Karnival Kokurikulum dan Kejohanan Super UPSI 2024

Tanjong Malim, 8 Jun- Majlis Perasmian Karnival Kokurikulum Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) 2024 telah berlangsung dengan meriah di Arena UPSI, Kampus Sultan Azlan Shah. Majlis yang diadakan pada Sabtu lalu dirasmikan

oleh Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Negeri Pera, Yang Berhormat Khairudin Abu Hanipah.

"Karnival Kokurikulum 2024 ini merupakan kesinambungan daripada karnival

kokurikulum terdahulu yang diadakan setiap tahun. Ia bertujuan menghargai dan menyantuni para pelajar dan tenaga pengajar yang komited dalam usaha melahirkan graduan yang holistik dan berdaya saing," ujar beliau.

Majlis Penyerahan Zakat Ihsan Fitri (i-Fitri) daripada Badan Kebajikan Islam PETRONAS kepada UPSI

Tanjong Malim, 31 Mei - Badan kebajikan Petronas memberikan sumbangan zakat sebanyak RMM100,000 kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim, Perak untuk manfaat mahasiswa golongan asnaf di universiti pendidikan itu.

Penyerahan sumbangan Agihan

Ihsan Fitri (I-Fitri) Zakat Kampus yang diadakan di Bangunan Canselor, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah itu, UPSI diwakili Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Abdul Rahim Razalli manakala Petronas diketuai Pengerusi Jawatankuasa Kerja Dana Asy-Syakirin (anak syarikat Petronas),

M Nasarudin Salleh diadakan dalam satu majlis pada 31 Mei.

Turut memberi sumbangan ialah Badan Kebajikan Kakitangan Islam Petronas (BAKIP) yang diwakili oleh Ustaz Ahmad Shukri Ismail dan Dr Rafiza Mohamed serta Amer Peter Abdullah.



Majlis Syarahan Suluh Budiman Profesor Dr. Ramlee Mustapha

Tanjong Malim, 7 Jun- 'New Discoveries in TVET: Identification of Vocational Intelligence (VQ) and Vocational Taxonomy (VT) Based on Empirical Evidence' merupakan Tajuk Syarahan Prof. Dr. Ramlee Mustapha yang telah berlangsung pada 7 Jun bertempat di Auditorium Utama, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI. Majlis telah dihadiri lebih 300 orang tetamu yang terdiri daripada jemputan dari Lembaga Pengelola Yayasan Pembangunan Buku Negara, Majlis Profesor Negara, Kementerian

Pendidikan Tinggi, Barisan Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU), barisan Dekan dan Pengarah PTJ UPSI, Kolej-kolej Vokasional, Kolej-kolej Komuniti, Industri Luar, sekolah-sekolah, kakitangan dan pelajar UPSI khususnya dari FTV.

Sekalung tahniah buat Prof. Dr. Ramlee Mustapha diatas kejayaan Majlis Syarahan dan Pelancaran Buku beliau yang terbaru iaitu "Kepintaran Vokasional (VQ): Teori Baharu dalam Kepintaran Manusia" yang bakal

dicalonkan di Anugerah Buku Negara pada tahun ini.

Setinggi-tinggi Penghargaan kepada Bahagian Komunikasi Korporat UPSI, Pusat Kebudayaan UPSI, Pusat ICT, JPPHB UPSI, Bahagian Keselamatan UPSI(Official), Pusat Islam UPSI, UPSI Press dan Perpustakaan Tuanku Bainun, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah UPSI diatas kerjasama dan jasa baik yang telah diberikan kepada FTV untuk menjayakan Majlis Syarahan ini.

Tanjong Malim



Kunjungan Hormat Timbalan Komisioner Jeneral Penjara (Keselamatan Koreksional) ke UPSI

Tanjong Malim



Akreditasi Antarabangsa Program FSM Terima Kunjungan Auditor ASIIN ke UPSI



Layar Seni @Bitara 2024 Lestari Dua Sisi Seni Budaya Malaysia – Indonesia



Lawatan ke Ajinomoto (Malaysia) Bhd Beri Pendedahan Industri dan Isu Semasa dalam Kimia



Himpunan Solidariti Mahasiswa UPSI: Simbol Kebersamaan Bersama Palestin